



**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN
GRED JAWATAN : U5**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN	:	U5
GAJI MINIMUM -MAKSIMUM	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN GRED U5**

- (c) **Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH KONTRAK

3. Tempoh kontrak adalah selama 1 hingga 2 tahun

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

6. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berasaskan prestasi perkhidmatan.

TARAF JAWATAN : KONTRAK

TEMPOH KONTRAK

7. Tempoh kontrak adalah selama 1 hingga 2 tahun

TARIKH IKLAN


8. TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 6 APRIL 2026 HINGGA 23 APRIL 2026

PERMOHONAN :

- (a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Segamat iaitu : www.mpsegamat.gov.my. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan.
- (c) Permohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat diatas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat semakan dokumen **SELEPAS** borang dihantar /penghantaran borang **SELEPAS** tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,
JALAN ABDULLAH,
85000 SEGAMAT, JOHOR.
(u.p. : Jabatan Khidmat Pengurusan)**

PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.


**(HAJI MOHD HELMI BIN DATO' HAJI SHA'RI @ SHANGARI)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat**